



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA  
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-8883 2545  
Faks : 603-8889 5542  
E-mail : hasar@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA**

Bagi Minggu 48/2011 (27 November hingga 3 Disember 2011)

Pada minggu ke-48 tahun 2011 iaitu bagi tempoh 27 November hingga 3 Disember, sejumlah 358 kes demam denggi dengan tiga kematian telah dilaporkan. Walaupun tren jumlah kes yang dilaporkan nampak stabil, namun bilangan kes kematian adalah membimbangkan kerana berlaku dua kematian pada minggu sebelumnya. Tiga (3) buah negeri juga menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Kedah yang meningkat sebanyak 4 kes (36%), P.Pinang 3 kes (17%) dan Terengganu meningkat sebanyak 2 kes (13%) (Lampiran A).

Bagi Januari hingga 3 Disember 2011, sebanyak 18,245 kes dilaporkan berbanding 44,143 kes bagi tempoh yang sama tahun 2010. Bagi tempoh yang sama, sebanyak 33 kematian akibat demam denggi dilaporkan, berbanding 130 kematian pada tahun 2010. Tiga kes kematian yang dilaporkan pada minggu ini adalah merupakan jumlah yang tertinggi seminggu dilaporkan sejak 6 bulan yang lepas.

Pada minggu lepas, ketiga-tiga kematian demam denggi yang dilaporkan adalah dari Selangor yang melibatkan seorang lelaki berusia 21 tahun yang merupakan pelajar di sebuah institusi pengajian tinggi awam, seorang lelaki berusia 23 tahun yang juga bekas pelajar institusi pengajian awam dan seorang penjawat awam wanita berusia 27 tahun.

Salah satu daripada kematian ini tinggal di kawasan Pusat Komersial, Seksyen 7 Shah Alam, Selangor yang juga telah melaporkan kematian pada 2 minggu yang lepas. Ketiga-tiga kes ini berlaku di kawasan wabak yang juga mempunyai pembiakan Aedes sangat tinggi di mana kadar pembiakan Aedes di antara 1.7% hingga 5.3%. Hasil pemeriksaan di tempat kerja salah seorang pesakit juga menemui banyak pembiakan di mana Aedes Indexnya 33.3%, iaitu 33 kali lebih tinggi daripada kadar ditetapkan (Aedes Index 1%).

Peringatan harus diberikan kepada semua ketua di tempat kerja supaya mengambil berat tentang kebersihan persekitaran tempat kerja masing-masing dengan memastikan kawasan sekitar tempat kerja adalah bebas dari sebarang tempat pembiakan Aedes. Para pekerja sebenarnya terdedah kepada gigitan nyamuk Aedes di tempat kerja kerana waktu bekerja kebiasaan pada awal pagi dan kadang kala berakhir sehingga lewat petang yang merupakan waktu aktif nyamuk Aedes menggigit. Peranan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) yang ditubuhkan di tempat kerja masing-masing juga boleh digunakan sebagai satu platform untuk menggerakkan majikan dan para pekerja dalam menjalankan program bebas denggi di tempat kerja. Aktiviti seperti pemeriksaan pembiakan Aedes secara berkala dan gotong-royong membersihkan persekitaran tempat kerja boleh dilakukan sebagai salah satu usaha menangani demam denggi. Sikap tidak ambil kisah dalam menjaga kebersihan persekitaran termasuk persekitaran tempat kerja sehingga membiarkan kawasan tersebut menjadi tempat pembiakan Aedes perlu dipandang serius, apatah lagi sehingga menyebabkan kematian.

Sejumlah 80 lokaliti wabak denggi dari 15 buah daerah dipantau di seluruh negara, meningkat 2 berbanding 78 lokaliti pada minggu

sebelumnya. Terdapat tiga (3) lokaliti *hot spots* dikenalpasti pada minggu ini melibatkan 56 kes demam denggi berlaku di WP Kuala Lumpur iaitu PPR Desa Tun Razak dan PPR Taman Mulia di zon Cheras dan Flat Taman Gembira di zon Klang Lama (Lampiran B). Dua daripada tiga lokaliti *hot spots* ini juga masih mempunyai kadar pembiakan Aedes melebihi kadar sensitif (Lampiran C) iaitu di PPR Desa Tun Razak dan Taman Mulia. Disebabkan cuaca sekarang tidak menentu dengan musim hujan yang berlaku pada setiap hari boleh menyebabkan kadar pembiakan Aedes meningkat sekiranya terdapat banyak bekas-bekas yang boleh menakungkan air dibiarkan di persekitaran kawasan kediaman.

Memandangkan terdapat tren peningkatan kes denggi, ketua masyarakat diminta mengaktifkan program komunikasi iaitu COMBI di tempat masing-masing untuk aktiviti pencegahan denggi. Jika semua sukarelawan denggi yang sehingga kini berjumlah 24,000 orang menjalankan peranan masing-masing, pasti kes denggi boleh dihapuskan.

**DATO' SRI DR HASAN ABDUL RAHMAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

5 Disember 2011

**Lampiran A**

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 48/2011  
(27 November hingga 3 Disember 2011)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 48/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 48/2010
		Minggu 48 (27 Nov – 3 Dis 2011)	Minggu 47 (20 – 26 Nov 2011)		
1	Perlis	1	2	103	204
2	Kedah	15	11	467	729 (3)
3	P. Pinang	21	18	1,482 (3)	1,655 (7)
4	Perak	27	50	1,271 (2)	2,150 (6)
5	Selangor	163 (3)	181 (1)	7,019 (12)	15,730 (43)
6	WPKL & Putrajaya	32	56	1,870 (2)	4,051 (6)
7	N. Sembilan	9	13	698 (3)	1,475 (7)
8	Melaka	12	14	396	1,409 (12)
9	Johor	26	34 (1)	1,482 (6)	4,187 (11)
10	Pahang	13	14	857 (1)	1,522 (4)
11	Terengganu	17	15	644 (1)	1,383 (3)
12	Kelantan	4	9	665 (1)	3,487 (11)
13	Sarawak	13	14	896	4,114 (14)
14	Sabah	5	6	384 (2)	2,030 (3)
15	WP Labuan	0	0	11	17
	<b>MALAYSIA</b>	<b>358 (3)</b>	<b>437 (2)</b>	<b>18,245 (33)</b>	<b>44,143 (130)</b>

Nota: ( ) Kematian

**Lampiran B**

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 48  
BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	WPKL	Cheras	PPR Desa Tun Razak	22	70
2	WPKL	Klang Lama	Flat Taman Gembira	22	59
3	WPKL	Cheras	PPR Taman Mulia	12	43

**Lampiran C**

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR  
PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 48  
BAGI TAHUN 2011  
(27 November hingga 3 Disember 2011)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	WPKL	Cheras	PPR Desa Tun Razak	27.8	28
2	WPKL	Klang Lama	Flat Taman Gembira	5.3	5